

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

1. Industri perhotelan.

- (a) Senaraikan hotel bertaraf 5, 4 dan 3 bintang di Pulau Pinang.
- (b) Senaraikan kadar penginapan hotel di Pulau Pinang pada tahun 2024 dan sehingga bulan Mei 2025.
- (c) Senaraikan hotel yang bakal dibina atau mula beroperasi pada tahun 2025 dan 2026.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 1. (a) Senarai hotel bertaraf 5, 4 dan 3 bintang di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Sepanjang tahun 2024, seramai 8,237,072 pelancong telah menginap di hotel-hotel diseluruh Negeri Pulau Pinang. Data bagi tahun 2025 masih belum dikeluarkan oleh pihak Tourism Malaysia.
- (c) Senarai hotel yang bakal dibina atau mula beroperasi pada tahun 2025 dan 2026 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

**SENARAI PREMIS PENGINAPAN PELANCONG YANG DIBERI PENGELASAN BINTANG PEJABAT
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG**

A. HOTEL LIMA BINTANG

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
1.	Eastern & Oriental Hotel	No.10, Lebuhr Farquhar, 10200 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	231
2.	Evergreen Laurel Hotel Penang	53, Persiaran Gurney, 10250 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	368
3.	G Hotel Gurney	168a, Persiaran Gurney, 10250 Pulau Pinang	Timur Laut	312
4.	Hardrock Hotel Penang	Batu Ferringhi Beach, 11100 Pulau Pinang	Timur Laut	249
5.	Lexis Suites Penang	28, Jalan Teluk Kumbar, 11920 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya	222

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
6.	Lone Pine Hotel	97, Batu Ferringhi Beach, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang	Timur Laut	90
7.	Parkroyal Penang Resort	Batu Ferringhi Beach, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang	Timur Laut	310
8.	Shangri-La's Rasa Sayang Resort & Spa	Batu Ferringhi Beach, 11100 Pulau Pinang	Timur Laut	304
9.	The Light Hotel Penang	Lebuh Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	303
10.	The Prestige Hotel	8, Gat Lebuh Gereja, 10300 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	162
11.	Angsana Teluk Bahang	No.11, Jalan Teluk Bahang, Balik Pulau, Pulau Pinang	Barat Daya	236
12.	G Hotel Kelawai	No.2, Persiaran Maktab, 10250 Pulau Pinang	Timur Laut	208

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
13.	The George Georgetown Penang	No.138, Penang Road, 10100 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	92
14.	Bertam Resort Penang	Pmt 2200, Bertam Resort, Persiaran Bertam 8, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	300
15.	Amari Spice Penang	No.2, Persiaran Mahsuri, 11900 Bayan Baru, Pulau Pinang	Barat Daya	453
16.	Ascott Gurney Penang	No.18, Persiaran Gurney, 10250 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	271
17.	Penang Marriott Hotel	55, Persiaran Gurney, Bandar George Town, 10250 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	223

B. HOTEL EMPAT BINTANG

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
1.	Bayview Beach Resort	Pantai Batu Ferringhi, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang	Barat Daya	365
2.	Bayview Hotel Georgetown	25-A, Farquhar Street, 10200 Pulau Pinang	Timur Laut	340
3.	Cititel Penang	66, Jalan Penang, 10000 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	451
4.	Double Tree Resort By Hilton Penang	56, Jalan Lowyat, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang	Barat Daya	316

C. HOTEL EMPAT BINTANG

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
1.	Bayview Beach Resort	Pantai Batu Ferringhi, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang	Barat Daya	365
2.	Bayview Hotel Georgetown	25-A, Farquhar Street, 10200 Pulau Pinang	Timur Laut	340
3.	Cititel Penang	66, Jalan Penang, 10000 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	451
4.	Double Tree Resort By Hilton Penang	56, Jalan Lowyat, Batu Ferringhi, 11100 Pulau Pinang	Barat Daya	316
5.	Eastin Hotel Penang	No.1, Solok Bayan Indah, Queensbay, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya	328
6.	Flamingo Hotel By The Beach Penang	Jalan Tanjung Bungah, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang	Barat Daya	280

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
7.	Shangri-La Golden Sands Resort	Batu Feringgi Beach, 11100 Pulau Pinang	Timur Laut	387
8.	Hompton By The Beach Penang	No.533, Jalan C.M.Hashim, 11200 Tanjung Tokong, Pulau Pinang	Timur Laut	246
9.	Hotel Jen Penang By Shangri-La	184, Jalan Magazine, 10300 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	443
10.	Iconic Hotel	No.71, Jalan Icon City, Icon City, 14000 Bukit Mertajam , Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	195
11.	Ixora Hotel	No.3096, Jalan Baru, Bandar Perai Jaya, 13600 Perai, Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	326
12.	Olive Tree Hotel	No.76, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya	245

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
13.	Royale Chulan Penang	No.1 & 2, Pengkalan Weld, 10300 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	179
14.	Sunway Hotel Georgetown	33, Newlane (Off Macalister Road), 10400 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	250
15.	Sunway Hotel Seberang Jaya	No.11, Lebuh Tenggara Dua, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Perai, Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	202
16.	The Wembley -A St.Giles Hotel Penang	183, Jalan Magazine, 10300 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	415
17.	Ac Hotel Penang Bukit Jambul	213, Jalan Bukit Gambir, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Barat Daya	423
18.	Vouk Hotel Suites	Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	200

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
19.	Courtyard By Marriott Penang	218d, Jalan Macalister, Tropicana 218 Macalister, Georgetown	Timur Laut	199
20.	Mercure Penang Beach Hotel	505, Jalan Tanjung Bungah, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang	Barat Daya	220
21.	Bahang Bay Hotel	No.15, Jalan Teluk Bahang, Teluk Bahang, Pulau Pinang	Barat Daya	160
22.	Seven Terraces Hotel	No.2-18, Lorong Stewart, 10200 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	18
23.	Jazz Hotel Penang	No.1, Jalan Seri Tanjung Pinang 1, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang	Timur Laut	255
24.	Citadines Connect Georgetown Penang	202, Lebuhr Noordin, 10300 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	143

D. HOTEL TIGA BINTANG

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
1.	Aroma Business Hotel	11, Butterworth Business City Centre, Jalan Raja Uda, 12300 Butterworth, Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	248
2.	Cititel Express Penang	123, Lebuhraya Noordin	Timur Laut	234
3.	Galaxy Hotel	42, Lorong Tambun Permai 1, Pusat Perniagaan Tambun Permai, 14100 Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	48
4.	Hotel Continental	No.5, Jln Penang	Timur Laut	231
5.	Hotel Malaysia	7, Penang Road, 10000 P.O.Box 11, Pulau Pinang	Timur Laut	126
6.	Hotel Neo+ Penang	No.68 Jalan Gudwara, 10300 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	196

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
7.	Hotel Seri Malaysia Kepala Batas	No.2 Lorong Usahawan 5, Persiaran Dato' Kailan, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	100
8.	Kimberley Hotel	No.36-G-01 Jalan Sungai Ujong, 10100 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	116
9.	Mei Hotel	50, Lorong Abu Siti, 10400 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	100
10.	Pearl View Hotel	2933, Jalan Baru, 13600 Butterworth, Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	402
11.	Redrock Hotel	202-A, Jalan Macalister, 10400 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	131
12.	Travelodge Georgetown	101, Jalan Macalister, 10400 Georgetown, Pulau Pinang	Timur Laut	131

LAMPIRAN A

BIL	NAMA HOTEL	ALAMAT	DAERAH	JUMLAH BILIK
13.	Victoria Garden Hotel	280, Lebu Victoria, 10300 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	80
14.	Wesley Hotel	No.33, Jalan Juru Sentral, Juru Sentral, Bukit Mertajam	Seberang Perai Tengah	60
15.	Ozo George Town Penang	No.166, Jalan Argyll, George Town	Timur Laut	139
16.	The Upper House	22A, Jalan Vervea 10, Vervea, 14110 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	89
17.	Loopon Leith Hotel	No.29, Jalan Lebu Leith, 10200 George Town, Pulau Pinang	Timur Laut	140
18.	Wellesley Hotel	57, Jalan Iconic Point, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	49

SENARAI HOTEL BAHARU NEGERI PULAU PINANG

BIL	NAMA HOTEL	DAERAH	STATUS OPERASI
1	Crowne Plaza Penang Straits City	Seberang Perai Utara	Telah beroperasi
2	Iyf Georgetown Penang	Daerah Timur Laut	Telah beroperasi
3	Iconic Marjorie Hotel	Daerah Barat Daya	Telah beroperasi
4	The Leith Hotel	Daerah Timur Laut	Telah beroperasi
5	Saturn Hotel by Qravel	Daerah Timur Laut	Telah beroperasi
6	Citadines Connect Cecil Georgetown Penang	Daerah Timur Laut	Telah beroperasi
7	Penang Marriot Hotel	Daerah Timur Laut	Telah beroperasi
8	Holiday Inn & Suites Penang Prai	Seberang Perai Tengah	Telah beroperasi
9	The Millen Penang	Daerah Timur Laut	Telah beroperasi
10	Citadines Tanjung Tokong Penang	Daerah Timur Laut	Telah dilancarkan
11	The Westin Penang	Daerah Timur Laut	Dalam perancangan
12	HARRIS Hotel Sunshine Penang	Daerah Timur Laut	Dalam perancangan
13	JdV by Hyatt	Daerah Timur Laut	Dalam perancangan
14	Galaxy Minyoun Penang The Light City Hotel	Daerah Timur Laut	Dalam perancangan
15	Intercontinental Penang Resort	Daerah Barat Daya	Dalam perancangan
16	Le Méridien Penang Airport Hotel	Daerah Barat Daya	Dalam perancangan
17	Penang Marriott Hotel Queens Waterfront	Daerah Barat Daya	Dalam perancangan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

2. Bangunan milik MBPP.

- (a) Senaraikan bangunan yang dimiliki oleh MBPP.
- (b) Apakah perancangan masa depan MBPP terhadap bangunan ini?
- (c) Apakah kadar keuntungan yang diperolehi oleh MBPP dalam menyewakan bangunan ini?.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Senarai bangunan yang dimiliki oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Buat masa ini, pihak MBPP telah melantik perunding yang bertauliah bagi menjalankan kajian pengukuhan bangunan serta kerja-kerja menaik taraf keseluruhan bangunan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penyewa di bangunan tersebut.
- (c) Kadar keuntungan yang diperolehi oleh MBPP bagi bangunan-bangunan milik MBPP yang disewakan adalah seperti di **Lampiran B**.

**SENARAI BANGUNAN YANG DIMILIKI OLEH MAJLIS BANDARAYA
PULAU PINANG (MBPP)**

BIL	JABATAN PENGGUNA	KATEGORI BANGUNAN	BIL. BANGUNAN/UNIT
1	Penilaian & Pengurusan Harta	Penyewaan Awam	721
		Perumahan Awam	1,553
2	Pengurusan Korporat & Komuniti	Dewan / Balai Rakyat	28
		Stadium Bandaraya	1
		Pejabat	2
		Kompleks Sukan/Rumah Kelab	2
		Pusat Jagaan Kanak- Kanak / Tabika	3
3	Pelesenan	Kompleks	73
		Pasar	29
4	Landskap	Pejabat	4
		Stor	2
5	Penguatkuasaan	Pejabat Penguatkuasaan	3
6	Kesihatan & Persekitaran	Pejabat (milik Majlis, tidak disewa)	1
		Rumah Sembelih Ruminan (milik Majlis, tidak disewa)	1
		Rumah Sembelih Khinzir (telah diswastakan sepenuhnya)	1
7	Khidmat Pengurusan	Pejabat	50
		Banglo Richmond Southview	2

		Kediaman Datuk Bandar	1
		Kediaman Setiausaha Bandaraya	1
		Perumahan Kakitangan	51
8	Perancangan Pembangunan	Rumah Sesebuah	1
JUMLAH :			2,530

KADAR KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEH OLEH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)

BIL	KATEGORI BANGUNAN	HASIL (RM)	KOS PENYELENGGARAAN (RM)	KADAR KEUNTUNGAN (%)
		A	B	$\frac{(A-B)}{A} \times 100\%$
1	Penyewaan Awam	7,123,465.72	1,424,229.09	80.00
2	Perumahan Awam	1,917,989.18	2,384,091.24	0
3	Dewan / Balai Rakyat	491,124.00	1,285,340.70	0
4	Stadium Bandaraya	30,780.00	423,743.70	0
5	Pejabat	-	-	-
6	Kompleks Sukan/Rumah Kelab	26,400.00	-	100
7	Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Tabika	29,904.00	-	100
8	Kompleks	2,944,405.12	4,594,531.03	0
9	Pasar	2,889,556.00	4,232,722.24	0
10	Pejabat	-	-	-
11	Stor	-	-	-
12	Pejabat Penguatkuasaan	-	-	-
13	Pejabat (milik Majlis, tidak disewa)	-	-	-
14	Rumah Sembelih Ruminan (milik Majlis, tidak disewa)	-	-	-
15	Rumah Sembelih Khinzir (telah diswastakan sepenuhnya)	10,000	-	100
16	Pejabat	-	-	-

17	Banglo Richmond Southview	780.00 2,340.00	3,404.00	0
18	Kediaman Datuk Bandar	-	-	-
19	Kediaman Setiausaha Bandaraya	-	-	-
20	Perumahan Kakitangan	142,824.00	100,000.00	29.98
21	Rumah Sesebuah	6,500.00	-	100
JUMLAH		15,616,068.02	14,448,062.00	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

3. Berikan secara perincian daripada keseluruhan kos RM2.93 bilion untuk pembinaan *North Coastal Paired Road* (NCPR), berapakah yang akan ditanggung oleh syarikat konsesi dan berapakah ditanggung dengan pemberian hak tambakan laut?
- (a) Berapakah luas tambakan laut diperlukan untuk menampung kos pembinaan ini dan di manakah kawasan tambakan ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kos pembinaan *North Coastal Paired Road* (NCPR) adalah berjumlah RM2.43 billion manakala kos pengambilan tanah (LA) pula dianggarkan berjumlah RM500 juta menjadikan kos keseluruhan Projek NCPR berjumlah RM2.93 billion.

Kos pembinaan akan dimuktamadkan melalui rundingan semula antara Kerajaan Negeri dengan pihak kontraktor dan bayaran kemajuan akan dibayar melalui cara pertukaran tanah mengikut kadar nilai tanah yang telah dipersetujui.

Keseluruhan bayaran adalah berkadar dengan nilai tanah melalui pemberimilikan tanah (tambakan laut). Walau bagaimanapun, kos bayaran (pembinaan) ini masih dalam peringkat rundingan (semula) untuk dimuktamadkan. Justeru, luas tambakan laut masih belum ditentukan disebabkan kos bayaran masih belum dimuktamadkan.

Kawasan tambakan laut tersebut terletak di sebahagian projek tambakan laut, Pulau Andaman, Gurney Bay oleh Sri Tanjung Pinang Development.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

4. Kes dadah dan *vape*.
- (a) Senaraikan statistik tangkapan kes dadah di Pulau Pinang oleh PDRM dan AADK.
 - (b) Adakah pihak PBT akan mengharamkan penjualan *vape* di premis perniagaan yang mengandungi bahan kimia terlarang?
 - (c) Apakah peranan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Negeri dalam menangani masalah dadah ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Statistik tangkapan kes jenayah melibatkan dadah di Pulau Pinang oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) daripada 2024 sehingga Mac 2025 adalah sebanyak 29,451.
- (b) Sehingga kini, larangan penjualan *vape* di premis-premis Pulau Pinang masih dalam peringkat kajian dan sedang diperhalusi oleh Kerajaan Negeri bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khusus mengenai penggunaan bahan-bahan kimia di dalam cecair *vape* yang mengandungi *nicotine* dan lain-lain bahan kimia.

- (c) Peranan Pihak Berkuasa Negeri dalam menangani masalah dadah ini adalah melalui kerjasama dalam siri-siri operasi penguatkuasaan secara bersepadu untuk membantu agensi pelaksana dalam mengambil tindakan penguatkuasaan seperti AADK, PDRM dan KKM.

Satu sesi libat urus di antara Bahagian Kerajaan Tempatan dan KKM telah dilaksanakan bagi membincangkan isu larangan penjualan *vape* di Negeri Pulau Pinang. Kajian lanjut sedang diperhalusi oleh agensi yang terlibat.

Kerajaan Negeri juga melalui MMK Kesihatan dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia Pulau Pinang (PEMADAM) yang diketuai oleh YB MMK Kesihatan telah melaksanakan beberapa program bagi memberi kesedaran berkaitan bahaya dadah kepada masyarakat. Sejumlah RM130,000.00 telah diperuntukan bagi MMK Kesihatan dan sejumlah RM15,000.00 kepada PEMADAM Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

5. Kadar cukai tanah.
- (a) Di manakah peringkat mengkaji semula kadar cukai tanah di Pulau Pinang?
 - (b) Adakah kadar baru cukai tanah ini dapat dilaksanakan pada tahun depan?
 - (c) Adakah tanah berstatus first grade juga akan terkesan dengan kenaikan kadar cukai tanah? Senaraikan tanah first grade di Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Berikut adalah maklumat terkini mengenai semakan semula kadar cukai tanah di Pulau Pinang:-
- (a) Status Terkini Semakan Semula Kadar Cukai Tanah di Pulau Pinang

Pejabat Tanah dan Galian dan semua Pejabat Tanah di Negeri Pulau Pinang sedang menjalankan semakan semula kadar cukai tanah pada semua hak milik berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Proses ini melibatkan 373,109 hak milik tanah di seluruh negeri dan dijangka berterusan sehingga penghujung tahun 2025.

Pentadbiran ini juga mencadangkan beberapa opsyen kadar cukai baharu untuk dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (MMK), namun MMK masih

memerlukan beberapa penelitian sebelum meluluskan kadar cukai baharu.

(b) Pelaksanaan Kadar Cukai Tanah Baharu

Kadar cukai tanah baharu dijadualkan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 namun cadangan kadar cukai baharu masih belum dimuktamadkan lagi oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(c) Kesan Terhadap Tanah Berstatus *First Grade*

Tanah berstatus *First Grade* akan terlibat dalam semakan semula kadar cukai tanah. Terdapat 197,412 hak milik tanah berstatus *First Grade* di Pulau Pinang mewakili 52.35% daripada jumlah keseluruhan hak milik tanah. Pada masa ini, tanah berstatus *First Grade* dikenakan kadar cukai berdasarkan kegunaannya, namun kadar cukai semasa dianggap tidak mencerminkan nilai sebenar menyebabkan ketirisan hasil negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

6. Beras Cap Feri.
- (a) Apakah harga Beras Cap Feri bagi lima (5) kilogram?
 - (b) Syarikat manakah dilantik untuk membekal Beras Cap Feri? Berikan perincian syarikat ini.
 - (c) Setakat bulan April 2025, berapakah jumlah Beras Cap Feri yang telah berjaya dijual?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Harga runcit Beras Cap Feri bagi lima (5) kilogram adalah RM17.00 per kampil.
- (b) Maklumat syarikat pengeluar Beras Cap Feri yang telah dilantik adalah seperti berikut:-

Nama Pemegang Lesen	Nombor Lesen	Nombor Rujukan	Tempoh
Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd.	C 7426	326-C-KDH-2024-021878	13 November 2024 sehingga 12 November 2025

- (c) Sehingga 20 Mac 2025, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 16,000 karpit (80 tan metrik) dengan nilai jualan adalah berjumlah RM272,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

7. Penang Agrotech Sdn Bhd.

- (a) Senaraikan carta organisasi syarikat ini.
- (b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri ke syarikat ini?
- (c) Setiap bulan, berapakah emolumen yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**


7. (a) Carta organisasi syarikat Penang Agrotech Sdn. Bhd. (PASB) seperti yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil.23/2024 yang telah bersidang pada 31 Julai 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A** :-
- (i) 15 orang Ahli Lembaga Pengarah;
 - (ii) Satu (1) jawatan Pengurus Gred N48;
 - (iii) Satu (1) jawatan Pembantu Tadbir Perkeranian Operasi Gred N19 (Kewangan); dan
 - (iv) Satu (1) jawatan Pembantu Tadbir Perkeranian Operasi Gred N19 (Pentadbiran).
- (b) Melalui Mesyuarat MMK Bil.23/2024, Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan peruntukan bagi tahun 2025 yang berjumlah RM204,412.00 untuk membiayai perbelanjaan gaji

dan elaun Pengurus Gred N48 serta perbelanjaan operasi harian dan pentadbiran PASB.

- (c) Seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat MMK Bil.23/2024, Kerajaan Negeri menanggung peruntukan berjumlah RM127,812.00 setahun pada tahun 2025 (berjumlah RM10,651.00 sebulan) bagi membiayai gaji dan elaun Pengurus Gred N48. Manakala, dua (2) jawatan Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi Gred N19 akan ditempatkan ke PASB secara pinjaman daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, PASB masih dalam proses pengisian perjawatan pada masa ini.

CARTA ORGANISASI PENANG AGROTECH SDN. BHD.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

8. Apakah perancangan MBPP terhadap tapak letak kereta di antara Taman Bandaraya (Youth Park) dan Sekolah Rendah Tamil Azad?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di atas tapak letak kereta di antara Taman Bandaraya (Youth Park) dan Sekolah Rendah Tamil Azad adalah untuk membangunkan pemajuan berdasarkan *integrated development* yang merangkumi cadangan pembinaan *bus interchange*, tempat letak kereta, *indoor sport facilities* atau dewan serbaguna, gerai, *outdoor viewing deck* dan kerja-kerja lain berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

9. Program SejaTi MADANI.

- (a) Senaraikan MPKK, JPWK, JBPP dan JPKK (Persekutuan) yang berjaya memohon dana dalam program ini berserta dana yang diperolehi.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri juga akan mengadakan program yang seumpamanya?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Program Sejahtera Komuniti MADANI juga dikenali dengan nama SejaTi MADANI. Berikut adalah senarai MPKK, JPWK dan JPKK (Persekutuan) yang telah diluluskan dana iaitu sebanyak 416 permohonan diluluskan dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM39,659,954.00.

KELULUSAN PERMOHONAN KEPADA MPKK

SEKTOR	BIL. DITERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Aktiviti Hijau dan Kitar Semula	54	5,038,995.00
Pelancongan dan Hospitaliti	45	4,437,600.00

SEKTOR	BIL. DITERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Pertanian dan Makanan	84	7,780,721.00
Herba dan Kesihatan	2	198,640.00
Jahitan dan Kraftangan	5	362,640.00
JUMLAH KESELURUHAN	190	17,818,596.00

KELULUSAN PERMOHONAN KEPADA JPWK

SEKTOR	BIL. DITERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Jahitan dan Kraftangan	1	100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	1	100,000.00

KELULUSAN PERMOHONAN KEPADA JPKKP

SEKTOR	BIL. DITERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN
Aktiviti Hijau dan Kitar Semula	41	3,950,000.00
Pelancongan dan Hospitaliti	92	8,847,758.00
Pertanian dan Makanan	87	8,513,600.00
Herba dan Kesihatan	2	200,000.00
Jahitan dan Kraftangan	3	230,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	225	21,741,358.00

Manakala bagi JBPP pula tiada permohonan yang berjaya untuk mendapatkan peruntukan dana daripada Program SejaTi MADANI.

Namun begitu JBPP masih menunggu keputusan enam (6) permohonan yang masih di dalam proses. Antaranya adalah permohonan daripada kawasan seperti berikut:

- (i) N02 Bertam;
 - (ii) N03 Pinang Tunggal;
 - (iii) N05 Sungai Dua;
 - (iv) N12 Penanti;
 - (v) N20 Sungai Bakap; dan
 - (vi) N27 Pengkalan Kota
- (b) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengadakan program seumpama ini memandangkan program sedia ada masih berjalan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

10. Senaraikan peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Taman Botani pada tahun 2023, 2024 dan 2025.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan meletakkan Jabatan Taman Botani dibawah portfolio EXCO?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jabatan Taman Botani Pulau Pinang hanya menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri melalui peruntukan mengurus dan pembangunan tahunan.

Jumlah peruntukan dikemaskini yang diterima adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan Mengurus (RM)	Peruntukan Pembangunan (RM)	Jumlah Peruntukan Tahunan (RM)
2023	5,513,295.00	1,700,000.00	7,213,295.00
2024	5,463,505.00	1,900,010.00	7,363,515.00
2025	5,691,632.00	1,360,010.00	7,051,642.00
Jumlah Peruntukan (RM)	16,668,432.00	4,960,020.00	21,628,452.00

- (a) Jabatan Taman Botani Pulau Pinang ialah jabatan negeri di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengurus Taman Botani sebagai lokasi rekreasi dan eko-pelancongan. Selain itu, jabatan ini turut memainkan peranan penting dalam konservasi, penyelidikan, pendidikan alam sekitar serta perkhidmatan berkaitan botani, hortikultur dan landskap. Pada ketika ini, jabatan ini tidak ditetapkan di bawah mana-mana portfolio khusus.

Jabatan ini percaya melalui penetapan portfolio Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang khusus untuk jabatan ini akan lebih membantu bagi memperkukuhkan tadbir urus dan melancarkan urusan di peringkat Pihak Berkuasa Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

11. Senaraikan tapak tanah kosong berstatus industri yang dimiliki oleh PDC.
- (a) Apakah perancangan PDC terhadap tanah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Jumlah tanah perindustrian PDC yang masih kosong dan boleh ditawarkan kepada pelabur (sehingga April 2025) adalah seperti berikut:

Bil.	Taman Perindustrian	Ekar
1	Batu Kawan Industrial Park 3	407
2	Bandar Cassia Technology Park	246
3	Batu Kawan	25
4	Penang Science Park North	12
5	Penang Science Park	5
JUMLAH		695

- (a) Tanah perindustrian tersebut akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara yang berpotensi terutamanya dari sektor pembuatan bagi meningkatkan mutu dan kualiti sektor perindustrian di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

12. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Fettes Park, Mount Erskine terutama pada waktu puncak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jalan Mount Erskine merupakan salah satu jalan alternatif yang menghubungkan George Town dan Tanjong Bungah. Jalan Mount Erskine menjadi pilihan pengguna jalan raya bagi mengelakkan kesesakan di Jalan Tanjong Tokong serta Jalan Tanjong Bungah pada waktu puncak.

Aliran lalu lintas di Jalan Mount Erskine telah meningkat ke tahap di mana kesesakan lalu lintas berlaku pada setiap hari terutama sekali pada waktu puncak lalu lintas. Tanpa pelebaran jalan dan persimpangan atau penyediaan laluan alternatif, masalah kesesakan bukan sahaja akan berterusan tetapi akan bertambah buruk.

Tindakan yang akan, sedang dan telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) MBPP mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan jalan bawah (*underpass*) untuk menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Burma / Jalan Bagan Jermal. Pembinaan jalan ini juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Mount Erskine.

- (b) MBPP sedang menyelaraskan lampu isyarat di sepanjang Jalan Tanjong Tokong bagi melancarkan aliran lalu lintas di Jalan Tanjong Tokong bagi melancarkan pergerakan lalu lintas dari Jalan Tanjong Tokong menuju ke Jalan Tanjong Bungah dan sebaliknya menggunakan sistem lampu isyarat pintar. Hal ini secara tidak langsung akan dapat menarik pengguna jalan raya dari Jalan Mount Erskine untuk menggunakan Jalan Tanjong Tokong serta mengurangkan kesesakan di Jalan Mount Erskine setelah penyelarasan ini dibuat.
- (c) MBPP telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Jalan Gottlieb, Jalan Bagan Jermal, Jalan Mount Erskine dan Jalan Brown.
- (d) MBPP juga telah menyediakan laluan basikal khas bermula dari Jalan Tanjong Bungah ke George Town sebagai mod pengangkutan alternatif.
- (e) Meningkatkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan kawalan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. Sistem CCTV sedia ada juga dinaik taraf dengan menggunakan sistem analitik video (*video analytic*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan penguatkuasaan.
- (f) Bekerjasama dengan Syarikat Rapid Penang bagi menambah baik mutu perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Bilangan bas ini akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial. Penggunaan pengangkutan awam adalah sangat digalakkan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di bahagian pulau, Pulau Pinang.
- (g) Rapid Penang juga menyediakan perkhidmatan *Rapid On-Demand* (ROD) di kawasan Fettes dan Mount Erskine. Perkhidmatan ROD disediakan di kawasan yang tidak mempunyai akses kepada pengangkutan bas Rapid dan disediakan dalam jarak radius 3 kilometer. Sebanyak enam (6) buah van disediakan bagi perkhidmatan ROD untuk kawasan Gurney yang merangkumi kawasan Fettes dan Mount Erskine.

- (h) Sistem *Penang Smart Parking* (PSP) telah diperkenalkan bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan panduan navigasi ke kawasan tempat letak kereta (TLK) yang masih kosong dan sekiranya kawasan tempat letak kereta yang ingin dituju penuh, sistem PSP akan membantu navigasi kepada TLK berdekatan yang masih kosong. Sistem ini akan memudahkan pencarian parkir dan memendekkan masa untuk mencari parkir kosong. Perkara ini secara tidak langsung, dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas daripada pengguna yang mencari parkir secara manual tanpa bantuan sistem navigasi PSP.
- (i) Alternatif lain yang dijalankan bagi mengurangkan kesesakan pada waktu puncak terutama di pusat bandar adalah dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan.
- (j) Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk membina Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) yang menyambungkan Persiaran Gurney ke Ayer Itam, Paya Terubong, Bayan Baru dan ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu di kawasan Bayan Lepas, dan
- (k) Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk membina Jalan Berkembar Jalan Tanjong Bungah / Jalan Teluk Bahang (*North Paired Road*) bagi melancarkan aliran lalu lintas di Tanjong Tokong, Tanjong Bungah dan Batu Ferringgi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

13. Apakah status tender *Penang Sport City*?
- (a) Selain mewujudkan *Penang Sport City*, apakah langkah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan mutu sukan di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah persiapan Pulau Pinang dalam menjadi tuan rumah Sukan SEA pada tahun 2027?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Tender *Request for Proposal* (RFP) Cadangan Pembangunan *Sport City*, Batu Kawan, di Sebahagian Lot 274 Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang telah diiklankan pada 25 Oktober 2024 dan tarikh tutup pada 7 April 2025.

Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) telah menerima dua (2) cadangan daripada Pembida yang berminat. Status terkini bagi projek ini adalah PSDKLPP sedang dalam proses penilaian dokumen yang telah dikemukakan oleh pihak pembida.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa memastikan mutu sukan negeri ini berada dalam keadaan yang terbaik dengan penekanan seperti berikut:-
 - (i) Mengadakan pelbagai program sukan bagi mencari atlet-atlet baru terutamanya di peringkat sekolah dan akar

umbi untuk melahirkan lebih ramai kumpulan atlet muda yang berkualiti;

- (ii) Pemerkasaan elemen sains sukan dan teknologi semasa dalam mana-mana latihan dan program sukan; dan
- (iii) MSNPP terus memastikan atlet diberi sokongan berterusan dalam pendidikan, pembangunan kerjaya, dan kebajikan supaya mereka sentiasa cemerlang di dalam dan luar arena sukan.

- (b) Buat masa kini, MSNPP masih menunggu keputusan Jawatankuasa Penganjuran, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang sedang memperhalusi cadangan untuk menawarkan beberapa sukan jenis *indoor* tambahan yang lain kepada Pulau Pinang selain sukan Biliard dan Snuker.

Sehubungan itu, bagi persiapan Sukan SEA 2027, MSNPP telah mengenal pasti cadangan lokasi bagi penganjuran Biliard dan Snuker iaitu di Akademik Biliard dan Snuker Wilayah Utara Bayan Baru, Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pihak MSNPP perlu menunggu maklum balas seterusnya daripada KBS.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

14. Apakah status Projek Linear Waterfront yang akan dimajukan oleh PDC?
- (a) Syarikat manakah yang dipilih untuk menjalankan projek ini dan berikan perincian syarikat ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Status semasa Projek Linear Waterfront yang dirancang untuk dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah seperti berikut:
- (i) Proses kelulusan persempadanan semula kawasan tebus guna masih dalam pertimbangan dan menunggu kelulusan di peringkat Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang oleh PLANMalaysia; dan
- (ii) PDC sedang dalam proses mengemas kini dan memuktamadkan terma-terma bagi *Request for Proposal* (RFP) yang dijadualkan untuk diiklankan semula dalam masa terdekat.
- (a) Sehingga kini, tiada syarikat dilantik untuk melaksanakan Projek Linear Waterfront. Pelantikan hanya akan dibuat berdasarkan penyertaan dan penilaian melalui proses RFP terbuka yang akan dijalankan kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

15. Apakah hasil bancian kadar kemiskinan tegar yang telah dijalankan di Pulau Pinang oleh UPEN, JKM, ICU dan Pejabat Daerah?
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani isu miskin tegar?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Setakat 5hb Mei 2025, hasil bancian oleh Pejabat Pembangunan Negeri (ICU JPM) Pulau Pinang merekodkan seramai 314 orang Ketua Isi Rumah (KIR) di Negeri Pulau Pinang. Perincian seperti di **LAMPIRAN**.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah strategik dalam usaha menangani isu miskin tegar. Inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk:
- (i) Mengadakan **Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD)** yang berperanan untuk melaksanakan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat, serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat daerah.
- (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah tambahan yang proaktif melalui **Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)** di bawah JKM. Mulai 1 Januari 2025, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) di bawah BAES akan dinaikkan dari RM260.00 kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang

memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.

- (iii) **Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)** di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

- (iv) **Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin** di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa serta kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan golongan miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

**STATISTIK BANCIAN KETUA ISI RUMAH (KIR) BERDAFTAR SISTEM EKASIH
BERSTATUS MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM DAN KAWASAN DEWAN
UNDANGAN NEGERI (KADUN) PULAU PINANG**

KADUN	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
Air Itam	4	1	1	1	1
Air Putih	15	5	7	3	0
Bagan Dalam	4	3	1	0	0
Bagan Jermal	8	1	2	5	0
Batu Lancang	4	0	2	2	0
Batu Maung	5	4	1	0	0
Batu Uban	5	1	1	3	0
Bayan Lepas	10	9	0	1	0
Berapit	5	1	4	0	0
Bertam	11	9	0	2	0
Bukit Tambun	6	5	0	1	0
Bukit Tengah	6	4	0	2	0
Datok Keramat	8	3	2	3	0
Jawi	13	6	3	4	0
Kebun Bunga	6	2	3	1	0
Komtar	8	4	2	1	1
Machang Bubuk	19	14	2	3	0
Padang Kota	3	0	3	0	0
Padang Lalang	7	2	1	4	0
Pantai Jerejak	1	1	0	0	0
Paya Terubong	8	0	4	4	0
Penaga	16	16	0	0	0
Penanti	2	1	1	0	0
Pengkalan Kota	6	1	4	1	0
Perai	4	1	1	2	0
Permatang Berangan	18	16	0	2	0
Permatang Pasir	6	5	0	1	0
Pinang Tunggul	20	19	0	1	0
Pulau Betong	5	4	0	0	1

KADUN	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
Seberang Jaya	1	1	0	0	0
Seri Delima	3	2	1	0	0
Sungai Acheh	15	11	2	2	0
Sungai Bakap	10	5	0	5	0
Sungai Dua	16	14	2	0	0
Sungai Pinang	8	4	1	3	0
Sungai Puyu	10	7	1	2	0
Tanjong Bunga	3	2	0	1	0
Telok Ayer Tawar	5	5	0	0	0
Telok Bahang	10	9	1	0	0
JUMLAH	314	198	53	60	3

*Data eKasih Bertarikh 5 Mei 2025

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

16. Penjaja dan kedai tanpa lesen.
- (a) Berikan statistik operasi atau tindakan perobohan dan rampasan yang dilakukan oleh MBPP terhadap penjaja tanpa lesen atau kedai pada tahun 2023, 2024 dan sehingga bulan April 2025.
 - (b) Apakah SOP yang ditetapkan oleh MBPP dalam melakukan operasi supaya tidak disedari oleh penjaja ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Jumlah keseluruhan tindakan perobohan dan rampasan yang dilakukan oleh pihak MBPP terhadap penjaja atau kedai tanpa lesen bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 (sehingga April) adalah sebanyak 1,075 tindakan. Perincian mengikut tahun dan jenis tindakan yang diambil adalah seperti berikut:


Bil	Tahun	Rampasan	Perobohan
1.	2023	125	0
2.	2024	657	22
3.	2025 (sehingga April)	249	22
Jumlah		1,031	44
JUMLAH KESELURUHAN		1,075	

- (b) Operasi terhadap penjaja atau peniaga tanpa lesen di kawasan MBPP dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu pasukan yang mengeluarkan notis dan pasukan yang melaksanakan tindakan penguatkuasaan. Tindakan penguatkuasaan hanya akan dijalankan setelah notis dikeluarkan kepada peniaga atau penjaja terlibat. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan sebarang ketirisan atau kebocoran maklumat berkaitan penjadualan operasi terhadap penjaja atau peniaga tanpa lesen, segala maklumat berkenaan hanya akan diketahui oleh Pegawai Pelesenan yang berkenaan sahaja.

Selain itu, maklumat berkaitan lokasi dan tarikh operasi tidak akan didedahkan kepada mana-mana individu kecuali kepada pihak yang berkenaan sahaja bagi tujuan penyediaan kekuatan anggota serta keperluan logistik dan aset kenderaan. Pada hari pelaksanaan operasi, Pegawai Pelesenan yang mengetuai operasi akan hadir bersama anggota-anggota penguatkuasa ke lokasi yang telah ditetapkan bagi melaksanakan tindakan perobohan atau rampasan, mengikut keperluan situasi. Setiap tindakan pengoperasian yang dijalankan ini adalah berdasarkan SOP seperti di **LAMPIRAN A**.

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

Operasi Tugas Squad Patty Traders (SPT)



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

17. Apakah status naik taraf Kompleks Gerai Makan dan Minum Padang Tembak?
- (a) Adakah MBPP akan mempertimbangkan untuk membina semula kompleks ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kajian berhubung kekukuhan struktur bangunan dan kecerunan tanah telah selesai dilaksanakan oleh perunding yang dilantik pada Oktober 2024. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada ketika ini sedang dalam proses memuktamadkan pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja naik taraf dan membaik pulih bumbung, struktur tiang bangunan serta bahagian lantai di dalam bangunan kompleks bagi tujuan Projek Penaiktarafan Kompleks Gerai Makan dan Minum Padang Tembak.
- (a) MBPP telah dimaklumkan bahawa Pembaharuan Semula Bandar Padang Tembak di atas Lot 1275–1283 dan Lot 1288, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang akan dilaksanakan di bawah Projek Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) 2030. Pembaharuan Semula Bandar Padang Tembak ini akan turut melibatkan bangunan Pasar dan Kompleks Padang Tembak kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(III)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

18. Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang.

- (a) Pada Mesyuarat Agung Tahunan 20 April lalu, anggota kelab telah lulus resolusi untuk membubarkan kelab ini. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai implikasi undang-undang untuk membatalkan resolusi ini memandangkan tanah adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

